

TP2 Menjelaskan kemajuan salah satu jenis pengangkutan di mana-mana negara Asia.

MENGUASAI T TIDAK MENGUASAI

Berdasarkan kemajuan pengangkutan di Negara Asia, lengkapkan dengan perkataan sesuai dengan merujuk buku teks muka surat 128 hingga 130.

❖ **Jaringan landasan kereta api Shinkansen di Jepun**



1. Merupakan rangkaian jalan pengangkutan darat yang paling efisien dan canggih.
2. Empat pulau utama di Jepun, iaitu Hokkaido, Honshu, Shikoku dan dihubungkan melalui rangkaian jalan kereta api yang berteknologi tinggi dan maju.
3. Sistem pengangkutan kereta api berkelajuan tinggi (*bullet train*) ini dikendalikan oleh Japanese National Railways (JNR).

4. Laluannya melibatkan bandar-bandar metropolitan seperti
.....
5. Jumlah perkhidmatan kereta api dalam sehari adalah sebanyak 358 perkhidmatan.
6. Kira-kira 445 000 penumpang menggunakan perkhidmatan ini pada setiap hari. (*Sumber: Laporan Tahunan 2016, Central Japan Railway Company*)
7. Projek terbaharu kereta api berkelajuan tinggi Chuo Shinkansen menggunakan sistem magnetik pengapungan konduktif (Superconducting Maglev System), iaitu daya
..... untuk
..... dan memacu enjin.

❖ Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai



1. Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai berperanan sebagai penyumbang penting kepada ekonomi Dubai kerana menyediakan
..... kepada 90 ribu penduduk, seterusnya menyumbang sebanyak USD26.7 bilion

(RM114.3 bilion) yang mewakili 27 peratus pendapatan (KDNK) keseluruhan metropolis Dubai. *(Sumber: Dubai Civil Aviation Authority, 2012/2013)*

2. Terletak di Metropolis Dubai yang merupakan sebuah metropolis yang terbesar, moden dan termasyhur di Emiriah Arab Bersatu (UAE). Merupakan lapangan terbang yang termoden dan di dunia.
3. Diuruskan oleh Dubai Airports. Terdiri daripada tiga terminal yang berkemampuan menampung kapasiti sebanyak penumpang setahun.
4. Dubai merupakan hab penerbangan yang terbesar di Asia Barat (ketiga terbesar di dunia selepas Beijing dan Atlanta).
5. Keistimewaan Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai:

- Suasana meriah, restoran terbaik, kawasan membeli-belah dan tarikan pelancongan yang menarik.
- Pusat penerbangan yang berperanan “mengumpulkan” masyarakat dunia dalam kalangan ekspatriat (pekerja elit asing) mahupun pelancong.
- Sangat terkenal sehingga terdapat , iaitu Ultimate Airport Dubai yang ditayangkan di saluran National Geographic. • Terminal 3 dikhaskan hanya untuk syarikat penerbangan

❖ Pelabuhan Hong Kong



1. Berkedudukan strategik di yang secara semula jadi terlindung.
2. membolehkannya menjadi antara pelabuhan yang paling sibuk, masyhur dan penting kepada rantau Asia Tenggara dan Asia Timur.
3. Jabatan Marin Hong Kong bertanggungjawab mengawal aktiviti perkapalan kargo dan kontena secara menyeluruh, menjaga keselamatan pengemudian kapal, menjalankan rondaan di pelabuhan dan menguatkuasakan undang-undang antarabangsa yang ketat.
4. Pelabuhan yang menjadi pemangkin pembangunan dan kemakmuran Hong Kong kerana terletak pada kedudukan
5. Pada tahun 2016, pelabuhan ini telah mengendalikan 19.8 juta kontena dan jumlah kapal perdagangan yang berlabuh dan berlepas di pelabuhan ini adalah sebanyak 370 990 buah.

6. di Hong Kong yang melibatkan mobiliti penumpang sebanyak 24.91 juta orang.

7. Keistimewaan Pelabuhan Hong Kong:

- Pintu masuk ke negara China.
- Antara pelabuhan yang mengenakan yang rendah.
- Proses pemunggahan kontena dan kargo hanya mengambil masa 10 jam secara purata dan merupakan antara yang terpantas di dunia.
- Satu-satunya pelabuhan di dunia yang menjalankan operasi di tengah laut (at-sea loading) untuk mengatasi masalah kesesakan trafik di pelabuhan. (*Sumber: The Government of the Hong Kong Special Administrative Region, 2017*)